

05/09/2001

Rekod cemerlang cerahkan peluang BN

Misiah Taib

PADA 27 September ini rakyat Sarawak sekali lagi akan mengundi untuk memilih parti dan pemimpin yang bakal mentadbir dan menerajui kerajaan negeri bagi tempoh lima tahun lagi. Pilihan raya umum kelapan bagi negeri Sarawak itu diadakan berikutan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, kelmarin.

Pengundian kali ini, diadakan kira-kira dua bulan sebelum tamat tempoh kerajaan sekarang yang berakhir pada 18 November ini. Tarikh itu lebih awal, berbanding pilihan raya negeri ke-7 pada 1996, apabila pembubaran dewan dilakukan tiga bulan sebelum tarikh tamat tempoh pemerintahan kerajaan BN Sarawak.

Pilihan raya umum negeri selalunya diadakan setahun lebih awal dan pilihan raya negeri ke-6 pula diadakan 10 bulan lebih awal.

Pembubaran DUN Sarawak diumumkan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, selepas mendapat restu Yang di-Pertua Negeri, Tun Abang Muhammad Salahuddin di Astana Negeri, Petra Jaya.

Pengumuman Abdul Taib tidak memeranjatkan banyak pihak kerana memang sudah dijangka dan ia diakui sendiri Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sarawak itu.

"Saya rasa kali ini rakyat sudah bersedia untuk pilihan raya. Tiada kejutan bagi mereka atau sesiapa saja yang ingin menyertai pilihan raya kali ini," katanya ketika mengumumkan pembubaran DUN di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya pada jam 11.20 pagi kelmarin.

Pengumuman itu mengakhiri teka-teki mengenai pilihan raya umum bagi Sarawak yang tersebar sejak Jun 2000.

Seramai 868,487 penduduk negeri ini yang disahkan sebagai pemilih berdaftar yang diakui pada 21 Disember 2000 akan menentukan masa depan rakyat Sarawak pada pilihan raya negeri kali ini. Daripada jumlah itu 850,761 orang adalah pemilih biasa dan 17,726 orang lagi pemilih pos.

Jumlah ini meningkat seramai 54,140 orang, berbanding 814,347 pemilih berdaftar layak mengundi pada pilihan raya umum Sarawak pada 1996.

Mereka akan memilih 62 wakil ke DUN, sekali gus menentukan hala tuju masa depan lebih 2 juta penduduk negeri itu untuk tempoh lima tahun lagi.

Dengan rekod pemerintahan dan penerimaan rakyat kepada dasar politik pembangunan yang dipelopori Abdul Taib, BN dijangka tidak menghadapi masalah untuk kembali berkuasa selepas pilihan raya kali ini. Ini kerana pilihan raya kali ini diadakan ketika keadaan politik dan ekonomi Sarawak cukup mantap dan BN.

Persoalannya sekarang ialah dari segi majoriti yang bakal diperoleh oleh setiap calon. Mampukah calon BN meningkatkan undi yang pernah diperoleh pada 1996 atau sekurang-kurangnya mengekalkan majoriti itu?

Ini kerana pembangkang sudah mula 'mencucuk jarum' dalam kempen memburuk-burukkan kerajaan, sejak tahun lalu lagi.

Malah, ramai pemimpin pembangkang pada peringkat Pusat 'turun padang' di Sarawak sejak tahun lalu untuk meraih simpati pengundi.

Agak menyedihkan ada golongan, termasuk di kalangan masyarakat Melayu sudah mula terpengaruh dengan dakwah pembangkang itu.

Isu tanah, terutama Tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) yang memang popular di Sarawak dan menghentam personaliti individu tertentu menjadi tumpuan pembangkang dalam kempen mereka.

Bagaimanapun, BN sudah bersiap sedia untuk menangkis propaganda pembangkang itu, selain menjelaskan isu tanah rakyat dan kejayaan projek

pembangunan tanah NCR yang dilaksanakan setakat ini.

Pada pilihan raya 1996, pembangkang menjaja `isu Bakun' sebagai modal mereka dan isu itu juga dianggap cabaran paling hebat bagi Kerajaan BN pada waktu itu.

Namun rakyat Sarawak cukup matang untuk menilai di antara kaca dan permata sehingga taktik pembangkang yang memutarbelitkan fakta mengenai isu Bakun, gagal mempengaruhi mereka.

Akhirnya, apabila keputusan pilihan raya negeri 1996 diketahui pada 8 September 1996, BN menang besar iaitu menguasai 57 daripada 62 kerusi yang dipertandingkan.

Tiga kerusi dimenangi DAP iaitu DUN Kidurong, Bukit Assek dan Pelawan, manakala dua kerusi dimenangi calon bebas iaitu Telang Usan dan Meradong.

Namun pada pilihan raya kecil Oktober 1997, BN berjaya merampas semula kerusi DUN Kidurong daripada tangan DAP. Calon BN, Michael Sim Hui memperolehi 5,723 undi mengalahkan calon DAP, Wong Sing Ai yang mendapat 5,339 undi.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan Mahkamah Pilihan Raya Miri pada 12 September 1997, memutuskan pemilihan Wong pada pilihan raya negeri 7 dan 8 September 1996, tidak sah mengikut Seksyen 36, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Ini bermakna, BN menguasai 93 peratus atau 58 daripada 62 kerusi DUN Sarawak pada masa ini.

Begitu pun, BN tidak memandang mudah dan terlalu yakin dalam menghadapi cabaran pilihan raya kali ini. BN mengakui bahawa pembangkang akan menggunakan apa saja, termasuk menggunakan taktik kotor dan kasar dalam kempen mereka.

Perkara ini ada asasnya apabila segelintir rakyat di Sarawak sudah `termakan' hasutan pembangkang dan bibit perpecahan di kalangan masyarakat Melayu akibat perbuatan pembangkang mula disaksikan pada pilihan raya umum (Parlimen) 1999.

Majoriti undi calon BN di beberapa kawasan berkurangan pada pilihan raya Parlimen lalu, terutama bagi kerusi wakil masyarakat Melayu di Kuching.

Tidak hairanlah dalam acara rasmi yang dihidirinya sejak awal tahun ini, Abdul Taib banyak menyentuh soal perpaduan Melayu. Malah Ketua Menteri turut mengingatkan rakyat bahawa jika pembangkang memenangi seratus peratus kawasan Melayu, mereka tetap tidak dapat berkuasa.

Ini kerana hanya 23 daripada 62 kerusi diwakili calon Melayu di Sarawak sekarang.

Sebagai satu daripada lebih 30 suku etnik di Sarawak, masyarakat Melayu di negeri itu tidak seharusnya memandang peringatan itu sebagai satu ancaman, sebaliknya melihatnya dari sudut positif.

Ia adalah teguran ikhlas daripada Ketua Menteri demi masa depan masyarakat Melayu sendiri.

Pada kali ini juga tidak ada tokoh pembangkang yang benar-benar menonjol, dijangka mampu menggugat Abdul Taib selaku peneraju kerajaan.

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertanian, Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha dikatakan satu-satunya tokoh yang secara terang-terang menyuarakan kesediaannya menentang Abdul Taib.

Kedua-duanya pernah berada dalam parti sama iaitu, Abdul Taib selaku Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dan Abang Abu Bakar pula pernah menjadi timbalannya, sebelum tewas kepada Datuk Abang Johari Abang Openg pada pertandingan tiga penjurong dalam perhimpunan agung parti pada 1998.

Abang Abu Bakar walaupun menggunakan nama `Umno' di sebalik perjuangannya, namun ia tidak mendapat restu pemimpin Umno. Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, banyak kali menyuarakan betapa Umno tidak akan ke Sarawak, selagi

kerajaan BN yang ada di negeri itu sekarang cukup mantap dan diterima rakyat.

Perdana Menteri selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, kelmarin, sekali lagi menegaskan bahawa, Umno tidak menyokong mana-mana parti atau kumpulan yang mendakwa mereka mewakili dan disokong parti itu pada pilihan raya negeri Sarawak kali ini.

Beliau turut memberi amaran mana-mana ahli Umno yang cuba berkempen atau bertanding menentang BN pada pilihan raya itu, akan digugurkan secara automatik.

"Saya ingin jelaskan dengan terang di sini, bahawa Umno tidak terbabit dengan pilihan raya di Sarawak. Umno tidak menyokong mana-mana parti di Sarawak pada pilihan raya ini, kecuali BN," katanya.

Gandingan PBB, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dalam parti komponen negeri itu, selama ini mendapat mandat dan kepercayaan rakyat.

PBB kini mewakili 29 kerusi DUN Sarawak, diikuti SUPP yang mempunyai 14 kerusi, PBDS lapan kerusi dan SNAP tujuh kerusi.

Mesej Abdul Taib jelas ketika membubarkan DUN kelmarin, iaitu calon BN pada pilihan raya kali ini adalah mereka yang ada hubungan akar umbi yang baik dengan rakyat.

"Kita juga ingin meningkatkan kualiti calon supaya kerajaan keseluruhannya akan dapat membincang masalah dan isu baru sesuai dengan aliran zaman serta pertukaran kita kepada ekonomi baru atau era yang lebih mementingkan teknologi tinggi," katanya.

Ditanya apakah beliau yakin BN akan menyapu bersih 62 kerusi DUN yang akan dipertandingkan nanti, beliau berkata, memang tidak baik untuk bersikap terlalu yakin, tetapi harapan ke arah itu memang ada.

Abdul Taib juga meminta rakyat supaya tidak memandang remeh soal keselamatan dan semua orang perlu memastikan proses pilihan raya berjalan lancar.

(END)